

## BAB LIMA

### RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

#### 5.1 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti masalah salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan pelajar Tingkatan Satu serta faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesalahan tersebut.

Dalam kajian ini, sebanyak 160 buah karangan daripada 40 orang pelajar Tingkatan Satu telah dipilih untuk dikaji jumlah dan jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar tersebut. Temubual dengan empat orang guru dan 10 orang pelajar terpilih pula diadakan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor yang menyebabkan kesalahan itu berlaku.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan Satu telah banyak melakukan salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan mereka. Pelajar-pelajar ini telah melakukan 80 kesalahan atau 27.03% salah tulis perkataan manakala salah guna perkataan yang telah dilakukan oleh pelajar pula berjumlah 216 kesalahan atau 72.97% daripada jumlah keseluruhan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa nisbah bagi kedua-dua kesalahan ialah 1:2.7 secara perbandingan. Penganalisisan data juga menunjukkan bahawa purata kesalahan bagi setiap karangan ialah 1.85.

Dapatan kajian ini menyokong kajian yang masing-masing dilakukan oleh Zhang, Xiao dan Chen pada tahun 1979, 1980 dan 1996 ( lihat Chen,1996: 98-104). Dari segi jenis kesalahan, dapatan kajian ini adalah sama dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Chen. Kajian Chen (1996) juga mendapati bahawa salah guna perkataan yang dilakukan oleh pelajar adalah lebih tinggi berbanding dengan salah tulis perkataan dan nisbah kesalalah ialah 2:1.

Dari segi purata kesalahan pula, Zhang (1979) yang membuat kajian terhadap pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tujuh di Hong Kong pada tahun 1979 mendapati bahawa dalam setiap 200 patah perkataan, terdapat satu patah perkataan yang disalahtulis atau disalahgunakan.

Xiao (1980) yang membuat kajian terhadap pelajar Tingkatan Dua mendapati bahawa purata salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan yang purata 355 patah perkataan ialah dua hingga lima kesalahan. Jika ditukar menjadi 200 patah perkataan, ini bermakna purata kesalahan ialah 1.1 hingga 2.8.

Kajian Chen (1996) pula mendapati pelajar Tingkatan Tiga yang dikajinya secara purata telah melakukan 6.7 kesalahan bagi setiap 1000 patah perkataan dalam karangan yang dihasilkan mereka. Ini juga bererti bagi setiap 200 patah perkataan, terdapat 1.34 kesalahan.

Ketiga-tiga dapatan ini adalah lebih kurang sama dengan kajian pengkaji yang mendapati bahawa purata kesalahan dalam setiap karangan yang panjangnya 200 patah perkataan ialah 1.85, walaupun tingkatan persekolahan adalah berbeza.

Menurut Zhu (1988:338), seorang pengkaji yang bernama Fei Jinghu juga pernah menjalankan kajian untuk meneliti masalah salah tulis dan salah guna perkataan di kalangan pelajar. Beliau telah meneliti 18345 buah karangan dan catatan harian pelajar yang dikumpulnya dan telah mendapati bahawa perkataan salah tulis yang kekerapan kesalahan melebihi 50 kali termasuk perkataan ‘步’, ‘真’, ‘商’, ‘赖’ dan 20 perkataan yang lain. Beliau juga mendapati bahawa terdapat 15 perkataan salah guna yang wujud 40 kali ke atas dan perkataan-perkataan tersebut termasuk ‘多’→‘都’, ‘正’→‘真’, ‘以’→‘已’, ‘再’→‘在’, ‘又’→‘有’, ‘低’→‘底’, ‘密’→‘蜜’ dan ‘今’→‘令’. Kajian pengkaji ini juga mendapati bahawa ada beberapa patah perkataan yang tinggi kekerapan kesalahannya. Antara perkataan-perkataan didapati sama dengan perkataan yang terdapat dalam kajian Fei ialah perkataan ‘已’ dan ‘在’ yang masing-masing wujud sebanyak 6 dan 4 kali.

Data-data kualitatif yang berkaitan dengan faktor-faktor yang menyebabkan masalah salah tulis dan salah guna perkataan dikumpul melalui temubual dengan guru dan pelajar terpilih. Faktor-faktor tersebut dapat dikategorikan kepada faktor dalam bahasa, faktor psikologi, faktor media cetak, faktor pengajaran guru dan faktor sikap pelajar. Penemuan faktor-faktor ini adalah selaras dengan pendapat beberapa orang ahli bahasa Cina seperti Chai (1994), Yu (1990) dan Yang (1992).

(a) Faktor dalam Bahasa

Guru dan pelajar yang ditemubual berpendapat bahawa kerumitan dan kekompleksan perkataan Cina menjadi faktor utama yang menyebabkan pelajar melakukan salah tulis dan salah guna perkataan. Ini adalah benar kerana seperti yang dimaklumkan, tulisan Cina merupakan tulisan ideografik yang unik dan tulisan yang bukan dibentuk daripada huruf-huruf, sebaliknya menggunakan lambang-lambang tertentu untuk mewakili sesuatu kata. Jika berbanding dengan perkataan-perkataan dalam bahasa lain, perkataan Cina mempunyai tiga kelemahan, iaitu sukar untuk dikenali, sukar untuk ditulis dan sukar untuk diingati (Yu, 1990:18). Ketiga-tiga kelemahan ini telah menyebabkan perkataan Cina sukar dikuasai dan akibatnya menimbulkan masalah salah tulis dan salah guna perkataan yang berleluasa di kalangan pelajar. Kesukaran menulis perkataan Cina dapat dilihat dari beberapa aspek berikut:-

(i) Terlalu Banyak ‘Stroke’

Sebelum tulisan Cina diringkaskan cara penulisannya, secara purata setiap perkataan terdiri daripada 11 atau 12 ‘stroke’(Yu,1990:19). Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih terdapat perkataan yang terdiri daripada ‘stroke’ yang banyak dan kompleks cara penulisannya. Dalam buku Daftar Perkataan Han(Cina) Kini Yang Lazim Digunakan (现代汉语常用字表), didapati masih terdapat 111 patah perkataan yang terdiri

daripada 16 hingga 24 ‘stroke’, misalnya ‘蠶’(24 ‘stroke’), ‘蘼’(22’stroke’) (Chai, 1994:85).

Begitu juga menurut Su (1994:57), masih terdapat 126 patah perkataan yang terdiri daripada 20 ‘stroke’ hingga 36 ‘stroke’ dalam buku Daftar Perkataan Cina Kini Yang Umum Digunakan (现代汉语通用字表). ‘Stoke’ yang banyak ini bukan mudah untuk diingati dan amat mudah bagi seseorang menulis perkataan tersebut dengan salah, kerana kurang atau lebih satu ‘stroke’ akan membawa kepada kesalahan.

(ii) Terlalu Banyak Radikal atau Komponen yang Mempunyai Bentuk yang Hampir Sama

Perkataan Cina dibentuk daripada tiga unsur yang utama, iaitu ‘stroke’, komponen dan radikal. Ketiga-tiga unsur ini mempunyai hubungan yang sangat rapat, yakni ‘stroke’ akan membentuk komponen manakala komponen pula akan membentuk radikal. Seseorang mungkin melakukan kesalahan kerana terdapat banyak komponen atau radikal yang mempunyai bentuk yang hampir sama. Misalnya ‘𠂇’ dan ‘𠂉’ Perbezaan kedua-duanya adalah pada titik yang ada pada bahagian atas. Kelalaian yang sedikit akan menyebabkan sesuatu perkataan itu disalah tuliskan.

(iii) Banyak Perkataan yang Mempunyai Bentuk yang Hampir Sama atau Bunyi yang Sama

Mengikut Yu (1990:80), terdapat lebih daripada 760 patah perkataan yang terdiri daripada 390 kumpulan perkataan mempunyai bentuk yang sama. Jumlah ini telah meliputi hampir 10% daripada perkataan Cina yang sering digunakan. Perkataan yang mempunyai bentuk yang hampir sama ini akan mudah menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna. Antara contoh perkataan-perkataan tersebut adalah seperti ‘已’, ‘己’, ‘巳’ dan ‘子’, ‘予’. Perkataan-perkataan ini sukar dibezakan dan mudah disalahtulis sekiranya tidak diberi perhatian yang sepenuhnya semasa menulis.

Dari segi bunyi pula, didapati banyak perkataan Cina mempunyai bunyi yang sama. Keadaan ini timbul kerana jumlah perkataan yang terdapat terlalu banyak sedangkan bunyi yang digunakan untuk melambangkan perkataan-perkataan tersebut pula amat kurang. Dalam Kamus Xinhua (新华字典), bunyi yang dimuatkan hanya berjumlah 415 bunyi, akibatnya wujud banyak perkataan yang mempunyai bunyi yang hampir sama ataupun sama. Begitu juga menurut Yang (1992: 264), secara purata terdapat 7.73 patah perkataan Cina yang mempunyai bunyi yang sama. Keadaan ini mudah menimbulkan masalah salah guna perkataan. Misalnya perkataan-perkataan seperti ‘公’, ‘工’, ‘功’, ‘宮’, ‘攻’, ‘弓’ dan sebagainya yang semuanya disebut sebagai *gong*.

(b) Faktor Psikologi

(i) Terlupa

Keadaan ini berlaku kerana seseorang pelajar yang mempelajari bahasa Cina terpaksa menyimpan beribu-ribu lambang perkataan dalam otaknya. Perkataan-perkataan yang kurang digunakan akan mudah dilupakan selepas satu jangka masa. Dengan hal yang demikian, pelajar akan menulis sesuatu perkataan berdasarkan bentuk perkataan yang terdapat dalam ingatanya sahaja atau menggunakan sesuatu perkataan yang sama bunyi atau hampir sama bentuk untuk menggantikan perkataan tersebut. Maka, wujudlah perkataan yang disalahtuliskan atau disalahgunakan.

(ii) Pengaruh Perkataan yang Terletak Sebelum atau Selepas Sesuatu Perkataan

Ada kalanya, penulisan sesuatu perkataan akan dipengaruhi oleh perkataan yang wujud sebelumnya. Misalnya perkataan ‘婚’ dalam perkataan ‘结婚’(kahwin) menggunakan radikal kiri ‘女’, tetapi pelajar akan salah menulisnya dengan menggunakan radikal kiri ‘糸’ kerana dipengaruhi oleh perkataan ‘结’ yang menggunakan radikal kiri ‘糸’.

(iii) Salah Faham akan Makna Sesuatu Perkataan.

Hampir 90% perkataan Cina terdiri daripada perkataan *xingsheng* (形声), yakni perkataan yang mempunyai satu radikal yang melambangkan bunyi dan satu radikal lagi melambangkan makna. Radikal makna akan membolehkan seseorang mengagak makna perkataan tersebut manakala radikal bunyi membolehkan seseorang menyebut perkataan tersebut. Dengan hal yang demikian, ada kalanya pelajar dapat mengagak makna suatu perkataan dengan melihat radikalnya. Misalnya, perkataan yang mempunyai radikal makna ‘氵’(air) menunjukkan bahawa perkataan itu ada kaitannya dengan air. Bagaimanapun ciri ini juga akan menyebabkan pelajar salah guna sesuatu perkataan. Misalnya, perkataan ‘安排’(mengatur) yang merupakan kata kerja, pelajar akan salah menulisnya menjadi ‘按排’, yakni ‘按’ yang menggunakan radikal kiri ‘扌’ (membawa makna tangan ).

(c) Faktor Media Cetak

Guru yang ditemubual telah berpendapat bahawa media cetak yang ada di pasaran telah banyak mempengaruhi penggunaan bahasa di kalangan pelajar. Tulisan ringkas (简体字) bahasa Cina telah lama diperkenalkan, terutamanya sejak pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan semua media cetak digalakkan menggunakan bentuk tulis ringkas yang standard. Walau bagaimanapun, masih ada pihak-pihak media cetak sama ada majalah atau akhbar yang enggan atau belum menggunakan bentuk tulisan ringkas ini. Akibatnya ada sesetengah pelajar yang telah menggunakan

perkataan yang tidak standard atau salah. Misalnya menggunakan perkataan ‘你’ (kamu) untuk menggantikan ‘你’.

Tulisan rumit (繁体字) Cina yang digunakan juga banyak mempengaruhi pelajar-pelajar salah menulis sesuatu perkataan. Keadaan ini berlaku kerana pelajar sejak kecil telah diajar cara penulisan tulisan ringkas tetapi yang didedahkan kepada mereka ialah tulisan rumit. Akibatnya mereka akan menghasilkan perkataan yang sebahagiannya telah diringkaskan dan sebahagian pula tidak atau perkataan yang tidak standard.

(d) Faktor Pengajaran Guru

Pengajaran guru juga akan menyebabkan masalah salah tulis dan salah guna perkataan di kalangan pelajar. Sesetengah guru akan meminta pelajar menghafal ‘stroke-stroke’ sesuatu perkataan atau meminta pelajar menulis berpuluhan kali perkataan tersebut tanpa menjelaskan struktur perkataan yang terdiri daripada lambang makna tertentu.

Ada pula guru yang tidak mengemaskinikan pengetahuannya dan masih menggunakan perkataan-perkataan yang tidak standard. Ini biasanya berlaku pada guru-guru golongan tua yang masih menggunakan perkataan rumit Cina.

perkataan yang tidak standard atau salah. Misalnya menggunakan perkataan ‘妳’ (kamu) untuk menggantikan ‘你’.

Tulisan rumit (繁体字) Cina yang digunakan juga banyak mempengaruhi pelajar-pelajar salah menulis sesuatu perkataan. Keadaan ini berlaku kerana pelajar sejak kecil telah diajar cara penulisan tulisan ringkas tetapi yang didedahkan kepada mereka ialah tulisan rumit. Akibatnya mereka akan menghasilkan perkataan yang sebahagiannya telah diringkaskan dan sebahagian pula tidak atau perkataan yang tidak standard.

(d) Faktor Pengajaran Guru

Pengajaran guru juga akan menyebabkan masalah salah tulis dan salah guna perkataan di kalangan pelajar. Sesetengah guru akan meminta pelajar menghafal ‘stroke-stroke’ sesuatu perkataan atau meminta pelajar menulis berpuluhan kali perkataan tersebut tanpa menjelaskan struktur perkataan yang terdiri daripada lambang makna tertentu.

Ada pula guru yang tidak mengemaskinikan pengetahuannya dan masih menggunakan perkataan-perkataan yang tidak standard. Ini biasanya berlaku pada guru-guru golongan tua yang masih menggunakan perkataan rumit Cina.

(e) Faktor Sikap Pelajar

Sikap pelajar juga mempengaruhi penulisan dan penggunaan sesuatu perkataan. Ada sesetengah pelajar tidak mengamalkan sikap yang positif semasa belajar. Bagi mereka, menulis lebih atau kurang satu ‘stroke’ tidaklah mendatangkan apa-apa kesan asalkan mereka sendiri memahami makna perkataan itu. Ada pelajar pula tidak belajar bersungguh-sungguh kerana bagi mereka, perkataan Cina terlalu susah untuk diingati, ditulis dan dikenali. Mereka tidak mementingkan penulisan dan penggunaan perkataan yang standard.

Secara ringkasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah salah tulis dan salah guna perkataan merupakan satu masalah yang lumrah yang berlaku di kalangan pelajar dalam penulisan karangan tidak kira di mana jua.

5.2 IMPLIKASI

Implikasi kajian ini dapat dilihat daripada empat aspek, yakni implikasi untuk guru, implikasi untuk pelajar, implikasi untuk pihak penerbit buku teks dan buku rujukan, dan implikasi untuk Pusat Perkembangan Kurikulum. Disebabkan perkataan Cina merupakan gabungan unsur makna, bunyi dan bentuk, sehubungan itu, untuk mengatasi masalah salah tulis dan salah guna perkataan di kalangan pelajar, langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini juga perlu berdasarkan tiga perkara ini.

### **5.2.1 Implikasi untuk Guru**

Sebagai implikasi untuk guru-guru bahasa Cina, mereka hendaklah mengajar pelajar-pelajarnya tentang aspek-aspek berikut agar masalah salah tulis dan salah guna perkataan dapat diatasi.

#### **(a) Meneliti Bentuk Perkataan**

Untuk mengatasi masalah salah guna perkataan, terutamanya perkataan *xinsheng*, guru perlu mengajar pelajar membezakan ciri radikal makna sesuatu perkataan. Misalnya perkataan ‘蓝’(biru) dan ‘篮’(raga) yang mempunyai bunyi yang sama dan bentuk yang hampir sama. Yang membezakan kedua-dua perkataan ini adalah pada radikal makna, iaitu ‘艹’ dan ‘糸’. Perkataan yang menggunakan radikal ‘艹’, biasanya berkaitan dengan pokok bunga manakala perkataan yang menggunakan radikal ‘糸’ pula berkaitan dengan buluh. Sekiranya pelajar dapat memahami hal ini, maka mereka dapat membezakan kedua-dua perkataan tersebut.

#### **(b) Meneliti Bunyi Perkataan**

Walaupun ada kalanya radikal bunyi pada perkataan *xingsheng*, tidak dapat melambangkan bunyi sesuatu perkataan dengan tepat, namun bagi perkataan-perkataan

tertentu, cara ini masih dapat digunakan untuk mengatasi masalah salah tulis dan salah guna perkataan. Contohnya, perkataan-perkataan yang berbunyi *ling* (令) seperti ‘玲’, ‘鈴’, ‘拎’, ‘伶’, ‘姈’, ‘岭’, ‘苓’, ‘呤’ dan sebagainya menggunakan radikal ‘今’ manakala perkataan-perkataan yang berbunyi *qin* seperti ‘琴’, ‘芩’, ‘矜’ pula menggunakan radikal ‘今’ yang berbunyi *jin*. Jikalau guru dapat membimbing dan mengingatkan pelajar bahawa semua perkataan yang berbunyi *ling*, radikalnya ialah ‘今’ dan sebaliknya, maka pelajar dapat membezakan perkataan-perkataan tersebut dengan mudah.

(c) Mengetahui Makna Perkataan

Pada dasarnya, kebanyakan perkataan Cina mempunyai makna yang tertentu, oleh itu, dengan memahami makna sesuatu kata, pelajar dapat mengatasi masalah salah tulis atau salah guna perkataan. Umpamanya, terdapat pelajar yang menulis perkataan ‘妨碍’, sebagai ‘防碍’. Keadaan ini berlaku kerana pelajar tidak memahami makna ‘妨’ dan ‘防’. Makna asal ‘妨’ ialah musnah dan kini membawa maksud menghalang( radikal ‘女’ menunjukkan makna rosak atau tidak baik kerana wanita pada masa dulu dipandang rendah oleh masyarakat). Makna asal ‘防’ pula ialah tembok dan kini merujuk kepada makna berjaga-jaga. Sehubungan itu, ‘妨碍’ yang bermaksud menghalang hendaklah menggunakan perkataan ‘妨’ yang menggunakan radikal ‘女’ dan bukan sebaliknya.

(d) Mengingati Perkataan yang Jenis Radikalnya Tidak Lazim Digunakan

Cara ini digunakan untuk membantu pelajar membezakan radikal-radikal yang mempunyai bentuk yang hampir sama yang sering menimbulkan kekeliruan. Guru harus mengajar pelajar untuk mengingati radikal yang paling kurang digunakan untuk membentuk perkataan agar pelajar mempunyai gambaran yang mendalam terhadap perkataan-perkataan tersebut. Misalnya, radikal ‘光’ dan ‘火’, pelajar hanya perlu mengingati bahawa selain perkataan ‘輝’ dan ‘耀’, radikal-radikal kiri yang hampir sama bentuk dengan radikal ‘光’ adalah ditulis sebagai ‘火’.

(e) Menerangkan Hukum ‘Stroke’

Cara penulisan perkataan Cina ada hukum-hukum yang tertentu. ‘Stroke’ yang seharusnya ditulis pendek, jika telah ditulis sebagai ‘stroke’ panjang akan menyebabkan sesuatu perkataan menjadi kata yang telah disalahtuliskan. Oleh itu, guru hendaklah menerangkan hukum-hukum cara menulis perkataan kepada pelajar. Antara hukum-hukum tersebut ialah:-

(i) ‘stroke’ mendatar (横) menjadi ‘stroke’ menaik (提)

Apabila perkataan-perkataan seperti ‘工’, ‘土’, ‘子’, ‘正’, ‘立’ dan sebagainya digunakan sebagai radikal kiri, ‘stroke’ akhir, iaitu ‘—’ akan bertukar menjadi ‘↖’. Misalnya, ‘功’, ‘地’, ‘孩’, ‘政’, ‘靖’ dan perkataan-perkataan lain lagi.

(ii) 'stroke' tegak (直) menjadi 'stroke' belok ke kiri (撇)

Apabila ‘羊’, ‘半’, ‘辛’ dan sebagainya berfungsi sebagai radikal kiri, ‘stroke’ terakhir yang merupakan ‘丨’ akan menjadi ‘丶’.

Selain dua hukum ini, terdapat banyak lagi hukum yang perlu diketahui oleh pelajar agar tidak salah menulis sesuatu perkataan.

(f) Membuat Perbandingan

Membuat perbandingan antara perkataan yang disalahtuliskan atau disalahgunakan dengan perkataan yang betul merupakan satu cara yang boleh dilakukan oleh guru terutamanya kesalahan perkataan yang banyak dilakukan oleh pelajar. Guru boleh membuat perbandingan tersebut di atas papan hitam dan ini membolehkan pelajar mempunyai ingatan yang mendalam terhadap kesalahan tersebut, dan dapat menguasai perkataan yang betul dengan lebih kukuh.

(g) Mengetahui Asal-usul Sesuatu Simpulan Bahasa

Kesalahan yang biasa dilakukan oleh pelajar ialah salah guna sesuatu perkataan dalam simpulan bahasa tertentu. Selain kerana bentuk dan bunyi perkataan yang hampir

sama menjadi salah satu punca kesalahan, tidak mengetahui makna simpulan bahasa juga menjadi satu sebab kesalahan berlaku. Misalnya, ‘班门弄斧’ yang bermaksud menunjukkan kepandaian di hadapan seorang pakar sering ditulis oleh pelajar sebagai ‘搬门弄斧’ kerana tidak mengetahui bahawa ‘班’ merujuk kepada 鲁班, yakni seorang tukang kayu yang terkenal pada zaman dahulu. Sehubungan itu, guru perlu menjelaskan asal-usul sesuatu simpulan bahasa agar kesalahan tersebut tidak berlaku.

### 5.2.2 Implikasi untuk Pelajar

Selain mengikut cara-cara yang diajar oleh guru untuk mengatasi masalah salah tulis dan salah guna perkataan, seseorang pelajar yang ingin menguasai penggunaan perkataan yang baik juga perlu membiasakan diri dengan menggunakan kamus apabila menemui sesuatu perkataan yang pelajar kurang pasti akan cara penulisannya atau bunyi sebutannya. Melalui cara ini pelajar tidak akan salah menulis atau salah menggunakan sesuatu perkataan.

Pelajar juga perlu banyak membaca buku, surat khabar dan majalah yang menggunakan bahasa standard. Ini kerana pendedahan yang banyak akan menjadikan pelajar lebih peka terhadap penulisan dan penggunaan sesuatu perkataaan. Di samping itu, pembacaan yang banyak juga dapat meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata mereka dan ini membolehkan mereka menggunakan perkataan dengan tepat dan berkesan.

### **5.2.3 Implikasi untuk Penerbit Buku Teks dan Buku Rujukan**

Penerbit-penerbit buku teks dan buku rujukan juga dapat membantu guru dan pelajar mengatasi masalah salah tulis dan salah guna perkataan dengan menyediakan dan membanyakkan latihan yang sesuai. Latihan-latihan yang dimaksudkan ini termasuk latihan penggunaan perkataan yang mempunyai bentuk dan bunyi yang sama atau hampir sama (字辨练习), latihan membetulkan kesalahan perkataan (改正错字), latihan membetulkan kesalahan penggunaan perkataan (修改病句) dan latihan-latihan lain yang berkenan.

### **5.2.4 Implikasi untuk Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)**

Pihak PPK juga memainkan peranan yang penting dalam usaha membantu pelajar mengatasi masalah salah guna dan salah guna perkataan. Pihak PPK harus mengadakan bengkel-bengkel atau latihan dalam perkhidmatan tentang standardisasi tulisan Cina kepada para guru bahasa Cina. Langkah-langkah sedemikian dapat membantu guru-guru yang tidak mendapat latihan atau yang belum mendapat pendedahan tentang cara menulis tulisan ringkas Cina yang standard secara formal. Dengan latihan-latihan dan pendedahan ini, maka guru dapat mengelakkan diri daripada menulis perkataan yang tidak standard.

Selain itu, pihak PPK juga harus menyediakan buku panduan menulis perkataan Cina yang standard kepada para guru agar mereka mempunyai pegangan yang muktahir dan tidak menimbulkan kekeliruan semasa mengajar pelajar.

### **5.3     CADANGAN TERHADAP KAJIAN-KAJIAN SELANJUTNYA**

Memandangkan kajian ini ada batasannya, beberapa kajian lanjut dapat dijalankan seperti berikut:-

- (a) Peninjauan masalah yang sama diteruskan dengan melibatkan pelajar yang lebih banyak. Penggunaan sampel yang lebih besar mungkin akan menghasilkan dapatan yang lebih tepat tentang masalah salah tulis dan salah guna perkataan di kalangan pelajar.
- (b) Selain itu, kajian yang dibuat juga boleh mengambil sampel dari pelbagai tingkatan sama ada dari satu sekolah yang sama atau berlainan sekolah dan membuat perbandingan untuk melihat perbezaan kesalahan yang dilakukan oleh sampel-sampel ini.
- (c) Perbandingan antara pelajar sekolah bandar dengan pelajar luar bandar juga boleh dilakukan untuk melihat sama ada lokasi sekolah merupakan salah faktor yang boleh mempengaruhi pelajar melakukan kesalahan salah tulis dan salah guna perkataan.

#### 5.4 PENUTUP

Melalui kajian ini, dapatlah diketahui jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan bahasa Cina pelajar Tingkatan Satu. Di samping itu, faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini juga dapat dikenalpasti melalui temubual dengan guru dan pelajar terpilih. Lantaran itu, cadangan-cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah ini.

Sebagai kesimpulan, walaupun kajian ini hanya dapat menyingkap sedikit gambaran tentang masalah salah tulis dan salah guna perkataan di kalangan pelajar Tingkatan Satu kerana batasan-batasan tertentu, tetapi kajian ini dipercayai telah memberi sedikit sumbangan dalam usaha meningkatkan mutu karangan pelajar dan khususnya dalam penyedidikan pendidikan bahasa Cina.